

Muhallil* Dan Muhallal Lahu**

Abdullah bin Mas'ud r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w melaknat *muhallil* dan *muhallil lahu*.¹

Abdullah bin Abbas berkata, "Rasulullah s.a.w pernah ditanya tentang muhallil. Lalu baginda menjawab, "Jangan! Hendaknya penikahan itu didasari oleh suatu keinginan dan bukan pura-pura! Jangan pula ia meremehkan Kitab Allah s.w.t! Sehingga dia merasakan lazatnya persetubuhan!"²

Uqbah bin Amir meriwayatkan Rasulullah s.a.w. bersabda, "Mahukah kamu aku beritahu tentang *at-taisil musta'ar* (kambing hutan pinjaman)?" Para sahabat menjawab, "Sudah tentu, wahai Rasulullah." Baginda seterusnya bersabda, "Iaitu seorang *muhallil*. Allah melaknat *muhallil* dan *muhallil lahu*."³

Seorang lelaki bertanya kepada Ibnu Umar r.a, "Apa pendapat anda jika saya menikahi seorang wanita untuk menjadikannya halal bagi suaminya terdahulu, sedangkan si suami tidak menyuruh saya untuk menikahinya, malah tidak mengetahuinya?" Ibnu 'Umar menjawab, "Jangan, kecuali jika kamu menikahinya kerana suka kepadanya. Jika wanita itu menarik hatimu, kamu boleh mengekalkannya dan jika tidak, kamu boleh menceraikannya. Kami menganggap perbuatan seperti itu pada masa Rasulullah sebagai perbuatan zina!"⁴

Beberapa atsar dari para sahabat dan tabi'in diantaranya seperti yang diriwayatkan oleh Ibnu Munzir dari 'Umar bin al-Khattab r.a. katanya, "Tidaklah dihadapkan kepadaku seorang *muhallil* dan *muhallil lahu*, melainkan akan ku rejam keduanya."

'Umar r.a juga pernah ditanya tentang hukum "tahlil" (menghalalkan) wanita untuk suaminya, dan dia menjawab, "Itu adalah zina."⁵

Abdullah bin Syarik al-Amiri berkata, "Saya mendengar Ibnu 'Umar r.a. ditanya tentang seorang lelaki yang telah menceraikan sepupunya, kemudian dia menyesal dan ingin kembali kepadanya, maka ada seorang lelaki yang ingin menikahinya supaya boleh menjadi halal untuknya. Ibnu 'Umar menjawab, "Keduanya berzina, sekalipun keduanya hidup bersama selama dua puluh tahun atau lebih, apabila dia mengetahui bahawa dia berkehendak menghalalkan wanita itu buat suami sebelumnya."⁶

Ibnu 'Abbas pernah ditanya oleh seorang lelaki, katanya, "Sepupuku telah menceraikan isterinya dengan talak tiga, lalu menyesal." Ibnu Abbas menjawab, "Sepupumu itu telah berbuat derhaka kepada Rabbnya lalu Dia menjadikannya menyesal. Ia telah mematuhi syaitan sedangkan syaitan tidak menyediakan jalan keluar baginya." Orang itu bertanya, "Apa pendapat anda jika ada orang yang menikahi bekas isterinya itu supaya menjadi halal baginya?" Ibnu 'Abbas menjawab, "Barangsiapa menipu Allah maka Dia akan menipunya!"⁷

Ibrahim an-Nakha'i berkata, "Jika niat salah satu dari tiga orang, suami yang pertama, suami yang terakhir, atau wanita itu adalah untuk "tahlil" (menjadikan wanita itu halal bagi suami pertamanya) maka pernikahan yang terakhir itu batal (tidak sah), dan wanita itu tetap tidak halal untuk suaminya yang pertama."⁸

Hasan al-Bashri berkata, "Jika salah seorang dari ketiga orang itu berniat untuk melakukan tahlil, maka pernikahan itu tidak sah."⁹

Berhubung dengan seorang lelaki yang menikahi seorang wanita dengan tujuan supaya wanita itu menjadi halal untuk suaminya yang pertama, Sa'id bin Musayyib, Imam Tab'in, berkata, "Tidak halal."¹⁰

Diantara yang berpendapat demikian adalah Malik Bin Anas, al-Laits bin Sa'ad, Sufyan ats-Tsauri, dan Imam Ahmad bin Hanbal.

Ismai'il bin Sa'id berkata, "Saya pernah bertanya kepada Imam Ahmad tentang seorang laki-laki yang menikahi seorang wanita sedangkan dalam hati lelaki itu berniat untuk menjadikan wanita itu halal bagi suaminya yang pertama, namun wanita itu tidak mengetahui tentang niatnya tersebut, bagaimanakah hukumnya? Beliau menjawab, "Dia adalah muhallil. Dan kalau dia bermaksud dengan pernikahannya itu untuk menghalalkan wanita itu supaya boleh menikah kembali dengan manta suaminya yang dulu, maka terkutuklah dia."

Pendapat mazhab Syafi'e menyebutkan, "Jika syarat tahlil itu disebutkan dalam akad, maka akadnya batal (tidak sah). Kerana ia diadakan dengan syarat yang akan memutuskannya sebelum sampai tujuannya, maka ia batal seperti nikah mut'ah. Jika syaratnya itu disebutkan sebelum akad, menurut pendapat yang benar pernikahan itu tetap sah. Begitu pula jika diadakan dengan tidak menyebutkan syarat tersebut dalam akad dan tidak pula sebelumnya, maka akad itu tidak rosak. Apabila seorang lelaki mengahwini seorang wanita dengan syarat jika dia sudah menggaulinya maka dia mesti menceraikannya, dalam hal ini ada dua pendapat; sebab batalnya itu adalah kerana adanya syarat yang mencegah sahnya pernikahan, iaitu keberkekalannya. Jadi ini mirip *ta'qit* (pembatasan waktu seperti dalam nikah mut'ah) ini adalah pendapat yang paling tepat menurut ar-Rafi'iy. Pendapat kedua menganggap bahawa dalam pernikahan itu syarat yang rosak yang menyertai akad, maka ianya tidak membatalkan pernikahan itu, sebagaimana jika dsyaratkan supaya si suami tidak kahwin lagi, atau tidak membawanya pergi meninggalkan negerinya. *Wallahu a'alam*.

Semoga Allah memberikan taufiq kepada kita untuk segala yang diredhai-nya serta menjauhkan kita dari kemaksiatan kepadanya. Sesungguhnya Dia Maha Memberi, Maha Pemurah, Maha Pengampun, dan Maha Penyayang.

NOTA KAKI:

* Muhallil adalah seorang laki-laki yang menikahi wanita yang telah ditalak dengan talak bain [Talak Bain Kubra: . talak tiga dimana bekas suami tidak boleh rujuk kembali kecuali jika bekas isterinya menikah lagi dan bercerai dengan suami barunya] secara zahir saja. Ia akan segera menceraikannya agar suaminya terdahulu dapat menikahinya lagi.

** Seorang suami yang telah mentalak isterinya dengan talak bain, talak tiga sehingga ia tidak boleh lagi ruju' dengannya. Lalu ia

merelakan isterinya dinikahi oleh seseorang untuk nanti diceraikan dan dia pun boleh menikahinya kembali.

1. Diriwayatkan oleh An-Nasa'i (2/98), At-Tirmizi dan Ad-Darimi (2258), Ibnu Abi Syaibah (7/44,45), Al-Baihaqi (7/208) dan Ahmad (1/448) dari Ibnu Mas'ud. Dan disahihkan oleh Asy-Syaikh dalam *Al-Irwa* (1897) dan mempunyai berbagai jalur periwayatan.

2. Diriwayatkan oleh Ath-Thabrani dalam *Al-Kabir* (11567) dari Ibnu Abbas, isnadnya dha'if

3. Diriwayatkan oleh Ibnu Majah (1936), Al-Hakim (2/198), Al-Baihaqi (7/208) dan dihasankan oleh Asy-Syaikh dalam *Al-Irwa* dengan berbagai jalur (6/210)

4. Diriwayatkan oleh Ath-Thabrani dalam *Al-Ausath* dan Al-Hakim (2/199), Al-Baihaqi (7/208) dan disahihkan oleh As-Syaikh dalam *Al-Irwa* (1898)

5. Diriwayatkan oleh Abdur Razzaq (10776), Ibnu Abi Syaibah (4/294), Al-Baihaqi (7/208) dan isnadnya sahih

6. Diriwayatkan oleh Abdur Razzaq (10778)

7. Asy-Syaikh menyebutkan di dalam *Al-Irwa* (1899) dan beliau mendiamkannya. Dan diriwayatkan oleh Abdur Razzaq (10779), Sa'id bin Manshur (1060), (1061), Ath-Thahawi (2/33), sedangkan isnadnya sahih.

8. Diriwayatkan oleh Ibnu Abi Syaibah (4/295) dan Sa'id bin Manshur (1994)

9. Diriwayatkan oleh Ibnu Abi Syaibah (4/295) dan Sa'id Bin Manshur (1995)

10. Diriwayatkan oleh Sa'id bin Manshur (1989)

- *Nota: Saringan oleh www.darulkautsar.net dari buku terjemahan "Al-Kabair (Dosa-dosa Besar)" karangan Imam Az-Zahabi. Buku terjemahan asal boleh dicapai di sini- <https://drive.google.com/file/d/0B0r1wFGeMOw5eDdpZjM4a2YyRG8/edit>*